

Hampir mustahil Pas jadi ‘gam’ damaikan UMNO, Bersatu

SHAH ALAM - Pas dijangka sukar menjalankan peranan sebagai ‘gam’ bagi mera-patkan kembali hubungan tegang antara UMNO dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), sekali gus merealisasi-kan pembentukan koalisi perdana parti Melayu.

Penganalisis politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain berkata, peranan yang diper-tanggungjawabkan kepada Pas itu dianggap hampir mustahil, mengambil kira pengaruh dan ego UMNO dan Bersatu adalah sangat kuat dalam kalangan pengundi Melayu.

Menurutnya, sejarah po-litik negara juga membuktikan tiada parti dalam sesua-tu koalisi politik yang mampu menjadi pendamai kepada parti-parti seangkat-an yang bertelagah sesama mereka.



MOHD IZANI

“Saya ambil contoh Parti Ama-nah Negara (Ama-nah) gagal menjadi gam mendamaikan Bersatu dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) sewaktu pentadbiran keraja-an Pakatan Harap-an (PH). Bahkan PKR sendiri pun gagal mendamaikan Pas dan DAP sewaktu koalisi Pakat-an Rakyat (PR).

“Bagaimanapun, saya yakin Pas akan cuba memainkan peranan itu sebaiknya untuk memastikan koalisi perdana parti Melayu dapat dimuktamadkan bagi menghadapi pilihan raya umum ke-15 (PRU15),” katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan penganalisis politik daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Sivamu-rugan Pandian yang mene-gaskan hala tuju pembentuk-an koalisi perdana parti Melayu kini terletak di ta-ngan Pas.